

# Penilaian Ciri-Ciri Afektif Dalam Sistem Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah - Satu Pandangan

Mokhtar bin Ismail

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

One of the most significant changes in the history of our curriculum development is the introduction of the KBSR and KBSM to our educational system. The prime objective of the KBSM system is to produce future school leavers who are emotionally, intellectually, and physically balanced. In this respect, 'values' viz 'nilai-nilai murni' are formally taught in schools as a part of every school subject. Since classroom evaluation is part of the teaching-learning process, it is crucial that its role in contributing to the success of a curricular change be given some emphasis or recognition. As values assimilation has become part of the school curriculum, it has to be evaluated in one way or another. Therefore, the question of what and how to evaluate 'value-assimilation' is a big educational task ahead of us. This article attempts to discuss issues relating to the evaluation of KBSM students with regard to assimilation of those 'values' namely 'nilai-nilai murni'. It is exploratory in nature and highlights discussion on how to practically evaluate the assimilation of 'nilai-nilai murni' within the conceptually explored framework and various administrative constraints.

## Pengenalan

Sistem Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah pun bermula. Pelaksanaannya adalah berdasarkan falsafah pendidikan negara yang berbunyi,

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran mesyarakat dan negara. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989, p.6)

Berdasarkan kepada kandungan falsafah pendidikan ini dan bertitik-tolak dari satu petikan kertas-kerja oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dalam satu Seminar 'Sistem Penilaian KBSM' yang menyarankan,

Pernyataan falsafah yang indah dan ideal bukan untuk hiasan atau tinggal di kertas. Tanggungjawab Kementerian Pendidikan ialah untuk menterjemahkannya ke dalam rancangan kerja atau rancangan bertindak supaya hasrat murni falsafah itu dapat dicapai. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989, p. 7).

Maka amat perlu sekali perhatian yang amat serius diberi terhadap penubuhan suatu sistem penilaian pendidikan yang dapat memenuhi matlamat pendidikan menengah yang baru. Kenyataan 'amat serius' di atas membawa implikasi bahawa perhatian terhadap penubuhan

suatu sistem penilaian perlu diberi setidak-tidaknya semasa matlamat pendidikan menengah yang baru itu dirangka, kerana logiknya setiap dari objektif yang ingin dicapai perlu dinilai. Dalam konteks sekarang, di mana Sistem KBSM telah bermula, iaitu dari aspek kaedah pengajarannya, dan sistem penilaiannya masih dalam peringkat perancangan, kita akan merasai seolah-olah dipaksa untuk memikirkan bentuk sistem penilaian yang dapat memenuhi hasrat KBSM ini. Implikasinya ialah ada kemungkinan berbagai bentuk sistem penilaian yang boleh difikirkan, tetapi tidak akan dapat memenuhi kesemua matlamat yang ingin dicapai. Kalau ini berlaku maka terapung-apunglah matlamat berkenaan tanpa ada satu sistem penilaian yang boleh menariknya turun ke bumi nyata.

Sebenarnya fenomena di atas bukanlah menjadi masalah besar kalau kita berpendirian bahawa tidak semua matlamat pendidikan perlu diukur, dan ianya berbentuk jangka masa panjang. Tidak perlu misalnya sistem pendidikan disamakan dengan sebuah kilang yang berorientasikan model input dan output yang sentiasa memerlukan sistem akauntabilitinya dalam kiraan wang. Maka atas kesedaran ini tidak ada salahnya kalau kita biarkan dulu Sistem KBSM berjalan dalam aspek kaedah pengajarannya dan kita turuti perlahan-lahan dengan satu bentuk sistem penilaian yang mana mampu mengesani mungkin sebahagian sahaja dari matlamat yang telah diwartakan, atau mungkin kesemuanya di satu hari walaupun ini diragui akan berhasil.

Seperti yang kita sedia maklum, KBSM menekankan aspek penerapan nilai-nilai murni dalam semua matapelajarannya seperti yang terkandung di dalam falsafah pendidikan di atas. Jadi pokok persoalan kertas ini ialah untuk meneroka beberapa persoalan mengenai penilaian nilai-nilai murni tersebut. Oleh kerana hingga setakat ini kita tidak menerima garis panduan dari pihak berwajib tentang bagaimana nilai-nilai murni ini akan dinilai penghayatannya, kertas ini lebih berbentuk satu penerokaan atau cadangan. Perbincangan yang akan diutarakan lebih berbentuk konsep-konsep umum yang difikirkan perlu diberi perhatian dalam proses menubuh satu Sistem Penilaian KBSM. Seperti yang kita sedia maklum sistem penilaian yang kita amalkan sekarang (atau KLSM yang boleh kita gambarkan terdiri dari dua subsistem, peringkat pusat dan peringkat sekolah) tidak boleh memenuhi matlamat KBSM, kerana sistem sekarang hanya menekankan aspek kognitif. Sebaliknya KBSM memerlukan pelajar-pelajarnya dinilai dari aspek afektif dan juga psikomotor selain dari aspek kognitif, seperti yang disarankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan,

KBSM menegaskan perkembangan yang bersepadau dalam bidang-bidang intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan seorang insan yang harmonis. Unsur nilai-nilai yang murni disepadukan ke dalam kurikulum dan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum merupakan satu strategi bagi pelajar-pelajar mengamalkannya ke arah membantu penghayatan unsur-unsur ini sebagai nilai hidup. Selaras dengan penegasan aspek-aspek pendidikan ini dalam KBSM, penilaian perkembangan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar perlu juga diberi keutamaan dan pengiktirafan yang sewajarnya. (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, 1989, p.6).

### **Apakah dia Penilaian Ciri-Ciri Afektif?**

Ciri-ciri afektif yang perlu dan akan dinilai dalam sistem KBSM mestilah jelas dari segi definisinya kepada semua pihak. Dalam sistem KLSM contohnya ada pihak yang mengatakan sekolah sudah pun mengamalkan penilaian ciri-ciri afektif dalam aktiviti pengajaran-pembelajaran serta pentadbiran sekolah. Sebagai contoh, guru-guru biasanya memberi komen secara bertulis dalam laporan kemajuan murid selain markah-markah dalam bentuk huruf.

Gurubesar gurubesar pula ada melaksanakan Sistem ‘Merit dan Demerit’ dengan memberi mata tertentu kepada pelajar yang melanggar disiplin sekolah. Adakah aktiviti-aktiviti ini menampakkan unsur-unsur penilaian tentang penghayatan ciri-ciri afektif? Kalau pun jawapannya ya, ianya amat jauh dari menepati keperluan penilaian KBSM.

Dari sudut psikologi mengikut Anderson (1981), manusia mempunyai beberapa ciri, iaitu atribut atau kualiti yang mewakili cara tersendiri dia berfikir, bertindak dan merasai. Ciri-ciri ini biasanya diklasifikasi di dalam tiga kategori iaitu kognitif sebagai cara tersendiri berfikir, psikomotor sebagai cara tersendiri bertindak dan afektif sebagai cara tersendiri merasai. Jadi ciri afektif bolehlah dianggap sebagai perasaan dan emosi yang merupakan kualiti yang mewakili cara tersendiri seseorang merasai atau mengekspresi emosinya. Mengikutnya lagi pemikiran seseorang atau tingkahlakunya mestilah memenuhi lima kriteria untuk diklasifikasikan sebagai ciri afektif. Pertama ianya melibatkan perasaan dan emosi; kedua, pemikiran atau tingkahlaku bercorak tersendiri; ketiga, mempunyai intensiti; keempat, mempunyai arah dan kelima, mempunyai sasaran. Contoh ciri-ciri afektif yang melibatkan perasaan ialah seperti sikap, minat, nilai, kecenderungan, penghargaan diri, kawalan pusat dan keimbangan. Perlu ditegaskan ciri-ciri afektif ini hanya dikelaskan sebagai kriteria afektif kalau tingkahlaku yang ditunjukkan oleh individu berkenaan mempunyai ciri-ciri tersendiri individu berkenaan. Intensiti bermaksud kekuatan perasaan, misalnya perasaan cinta lebih kuat dari perasaan suka terhadap seseorang. Arah bermaksud orientasi perasaan, samada baik atau buruk, misalnya perasaan sukakan sekolah ialah perasaan positif, dan sebaliknya bencikan sekolah ialah perasaan negatif. Sasaran pula memberi makna objek, aktiviti atau ide ke arah mana perasaan itu dihalakan. Contohnya kalau sifat keimbangan diambil sebagai satu contoh ciri afektif, beberapa jenis sasaran boleh difikirkan seperti perasaan bimbang terhadap sekolah, terhadap matapelajaran matematik atau terhadap satu fahaman politik yang tidak disukainya.

Dalam usaha menghubungkan ciri-ciri afektif dengan pendidikan di sekolah pula ada dua bentuk aplikasi yang relevan. Pertama, ciri-ciri afektif boleh dilihat sebagai ‘means to ends’ iaitu misalnya kanak-kanak memasuki sekolah dengan perbezaan darjah ciri-ciri afektifnya seperti sikap, minat dan nilai yang akan dihubungkan oleh pihak sekolah dengan tingkat perhatian atau ketekunan kanak-kanak di dalam kelas, yang seterusnya dikaitkan pula dengan objektif pengajaran yang berbentuk kognitif, afektif atau psikomotor. Kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri afektif positif yang lebih misalnya akan cenderung untuk memberi lebih perhatian dan mereka ini biasanya lebih teku~~udi~~ dalam kelas. Sebaliknya kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri negatif yang lebih akan cenderung menjadi pemusnah dan kurang memberi perhatian, seterusnya pencapaian mereka kurang memuaskan. Dalam konteks ini ciri-ciri afektif dilihat dari aspek kebolehannya menolong meningkatkan pembelajaran kanak-kanak. Satu lagi bentuk aplikasi ciri-ciri afektif adalah dalam bentuk ‘as ends in themselves’. Iaitu dalam sebuah sekolah, perbezaan ciri afektif kanak-kanak akan dicatatkan oleh pihak sekolah bagi melihat perbezaan, semasa murid mula memasukki sekolah dengan semasa meninggalkannya di akhir pengajian. Ini digelar ‘Hasil Afektif’.

Sebahagian daripada perubahan ciri-ciri afektif yang berlaku dalam diri kanak-kanak ini adalah disengajakan, selainnya adalah secara tidak sengaja. Ini bermaksud bahawa sebahagian daripada perubahan itu dihasilkan dari sebuah perancangan pelajaran yang baik. Di antara hasil-hasil afektif yang penting yang selalu diberi perhatian oleh pendidik ialah seperti nilai, sikap, minat, keimbangan, konsep diri dan kawalan pusat. Jadi kalau kita menyedari betapa pentingnya “Hasil Afektif” dalam pendidikan mengapakah selama ini ianya diabaikan? Ada tiga sebab yang boleh diberi (Anderson, 1981). Pertama, kebanyakan orang berpendapat pembentukan ciri-ciri afektif adalah tugas rumahtangga. Kedua, ada kepercayaan

yang menganggap ciri-ciri afektif terbentuk dengan sendiri, oleh itu tidak perlu dirancang pengajaran bagi membentuk ciri-ciri tersebut. Ketiga, ramai orang yang takutkan indoktrinasi ke atas kanak-kanak oleh pihak sekolah. Dalam konteks pendidikan di negara kita sekarang, kita sudah merasakan ciri-ciri afektif itu penting dan oleh sebab itu tugas kita sekarang ialah untuk memikirkan satu bentuk sistem penilaian yang bersesuaian dengan matlamat pendidikan kita masa kini khususnya bagi memenuhi hasrat KBSM.

Untuk tujuan di atas ada baiknya kalau direnung kembali perkembangan penilaian dalam KBSR hingga kini kerana ianya amat relevan dengan corak sistem penilaian KBSM. Adakah terdapat satu sistem atau bentuk penilaian ciri-ciri afektif yang boleh dicontohi? Bolehkah kita simpulkan bahawa dengan pengujian pensil dan kertas melalui soalan-soalan pelbagai pilihan, ciri-ciri afektif murid sudah dinilai? Di dalam KBSR juga terdapat aktiviti penilaian berterusan di mana guru-guru memerhati muridnya berdasarkan kemahiran yang terdapat di dalam ‘Borang Prestasi’. Bolehkah disimpulkan bahawa ciri-ciri afektif sudah dinilai melalui aktiviti tersebut? Untuk menjawab soalan-soalan di atas kita perlu ikhlas dengan definisi penilaian. Kalau ianya dikonsepsikan secara longgar mungkin hasrat penilaian KBSR sudah tercapai, tetapi dalam erti-kata yang sebenarnya peralatan penilaian perlu memenuhi syarat kesahan, kebolehpercayaan dan kebolehgunaan (Gronlund, 1981, p.65). Untuk tujuan ini penilaian memerlukan satu prosedur yang mantap dan sistematik. Bertolak dari hakikat ini walaupun tanpa penyelidikan yang rapi kita mungkin dapat membuat generalisasi melalui pemerhatian, iaitu sistem penilaian ciri-ciri afektif KBSR tidak perlu dicontohi keseluruhannya semasa membuat pertimbangan untuk penilaian ciri-ciri afektif KBSM. Alasannya ialah kebanyakannya ujian bertulis berhubung dengan ciri-ciri afektif seperti dalam matapelajaran Moral atau lain-lain matapelajaran menonjolkan hanya aspek ‘kesedaran’ murid terhadap nilai-nilai tersebut. Setakat mana nilai-nilai murni tersebut dihayati tidak dapat dicungkil dari format yang berorientasikan ujian pencapaian itu. Dalam soal ini Thomas (1986, p. 420) menyatakan,

An obvious shortcoming of value-related test items is that while they may reveal a student's understanding of the values advocated in the curriculum, they do not necessarily reveal the values to which that student actually subscribes in his own social-relations. Clearly, knowing the 'right thing to do' is not the same as 'doing the right thing'. Thus, scores students can earn on such achievement-test items can tell educators the extent to which learners are well informed about the values taught in the educational program but they cannot tell whether the learners will choose to, or even able to, act on such information.

Dengan andaian bahawa penilaian ciri-ciri afektif KBSM perlu mempunyai identitinya tersendiri dari segi konsep. Bagi pengukuran afektif cuma terdapat beberapa keadaan sahaja di mana keputusannya diguna bagi membuat keputusan berbentuk individu, kebanyakannya dalam bidang kaunseling. Dalam banyak hal ujian berbentuk afektif digunakan bagi membuat keputusan mengenai program, bukan mengenai individu tertentu. Jadi keputusan ujian berbentuk afektif tidak perlu menghasilkan data yang sah berasaskan individu. Ianya mencukupi kalau keputusan yang sah boleh dibuat mengenai sesuatu program, walaupun sekumpulan kecil calon berprestasi secara tidak selaras dengan majoriti calon. Mengikut Popham (1981) kalau kita cuba membina peralatan pengukuran afektif yang cuba untuk menilai setiap individu secara sah, akhirnya yang terhasil ialah kumpulan ujian laporan sendiri secara bertulis yang berbentuk ‘Sila laporkan perkara yang sebenar’. Dalam konteks KBSM, kita sebenarnya masih belum pasti arah yang ingin dituju mengenai bentuk. Adakah berasaskan individu atau berorientasi penilaian program. Sebenarnya kita boleh anggarkan iaitu kalau objektif penilaian ialah sebagai ‘means to an ends’ rasanya penilaian berorientasi program

adalah lebih relevan. Sebaliknya kalau objektifnya ‘as ends in themselves’ pendekatan penilaian individu adalah lebih bermakna. Tetapi apakah pentingnya maklumat mengenai hasil afektif seseorang pelajar di akhir persekolahannya kepada pihak sekolah? Adakah perlu seorang pelajar diberi pangkat B dalam nilai ‘bermasyarakat’ atau A dalam nilai ‘kebersihan’ di akhir persekolahannya, seperti guru memberi pangkat B dalam Matematik dan pangkat A dalam Bahasa Inggeris? Mengikut Krathwohl (1965) pencapaian kognitif dianggap berlaku adil dalam tujuan penggredan. Ujian-ujian misalnya memasukkan berbagai bentuk objektif kognitif, dan guru atau pemeriksa pula tidak keberatan untuk memberi gred A atau F berdasarkan prestasi ke atas pencapaian kognitif ujian-ujian tersebut. Sebaliknya guru atau pemeriksa menganggap sebagai tidak sesuai untuk menggred pelajar berdasarkan minat, sikap atau perkembangan afektif lainnya. Puncanya ialah kerana kurangnya teknik menilai bentuk ini serta mudahnya pelajar mengesani gerakbalas yang berupa ganjaran dan hukuman. Sebaliknya telah diandaikan bahawa pelajar yang bergerakbalas mengikut lunas yang betul kepada pengukur kognitif, memang sebenarnya mempunyai kemampuan mengenai perkara yang diuji. Bertolak dari alasan inilah mungkin lebih bermakna kalau dicadangkan supaya penilaian ciri afektif KBSM lebih berorientasikan penilaian secara keseluruhan pelajar dengan tujuan supaya keputusannya boleh dihubung-kaitkan dengan sebarang pembolehubah lain yang difikirkan sesuai. Kalau pun hasil afektif ingin dijadikan matlamat akhir, mungkin lebih relevan keputusan yang ingin dilihat adalah dalam bentuk prestasi ciri-ciri afektif pelajar secara keseluruhan di akhir satu-satu tahun pengajian, tetapi bukan dengan mengenalpasti hasil afektifnya secara individu.

### **Bagaimana dan Siapa Menilai Ciri-Ciri Afektif?**

Dalam sistem sekarang Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia bertindak sebagai agensi pusat yang mengendalikan peperiksaan bercorak sumatif. Selari dengannya guru-guru menyediakan ujian di bilik darjah dari masa ke semasa untuk tujuan formatif dan juga sumatif. Untuk tujuan ini guru-guru di sekolah menengah dibekalkan dengan kemahiran membina ujian semasa menerima latihan perguruan. Kebanyakan latihan yang diterima tertumpu kepada kemahiran membina ujian pencapaian kognitif dan bersifat rujukan norma. Dalam merancang ujian, kebanyakan guru menggunakan Taksonomi Bloom bagi mengklasifikasi objektif pengajaran yang diharapkan untuk dicapai melalui ujian-ujian yang dibina. Indeks-indeks seperti paras kesukaran, indeks diskriminasi, kebolehpercayaan, kiraan condongan tengah dan kebolehubahan digunakan bagi memastikan ujian tersebut mencapai tujuan yang diharapkan. Bagi guru-guru yang kurang berkemahiran pula boleh menggunakan item-item ujian dari sumber lain yang boleh didapati dengan mudah dan banyak.

Dalam sistem KBSM satu elemen baru telah diperkenalkan ke dalam proses pengajaran iaitu penerapan nilai-nilai murni, yang terdiri daripada nilai-nilai seperti baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, semangat bermasyarakat dan bersemangat kewarganegaraan. Nilai-nilai ini diterap secara merentas kurikulum, di mana guru-guru bagi setiap matapelajaran akan menyelitkan penghayatan nilai-nilai tersebut pada tempat dan masa yang sesuai dalam pengajaran masing-masing. Soalnya sekarang bagaimanakah nilai atau sikap di atas akan dinilai? Adakah prosedur yang sama seperti guru menilai pencapaian kognitif boleh digunakan? Soalan-soalan inilah yang paling rumit untuk dijawab. Mungkin juga soalan bagaimana menguji ini tidak lagi relevan kalau kita mengambil pendirian nilai dan sikap pelajar tidak perlu dinilai kerana ianya terlalu subjektif dan akan membuang masa guru. Penilaian bercorak afektif mungkin boleh dilihat lebih relevan kalau berorientasikan matlamat tertentu dan bersifat ‘ad hoc’, iaitu kalau ada masalah pendidikan barulah digunakan penilaian corak ini, dan juga dijalankan dengan

tidak mengorbankan masa guru dalam menjalankan tugas biasa. Tetapi walau apa pun pendirian kita, kita tidak dapat lari dari memenuhi hasrat falsafah pendidikan iaitu. ‘untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan’. Implikasinya ialah apa yang diterap perlu dinilai, untuk menentukan kewujudan atau kemunculan ‘insan yang seimbang’. Jadi, soal menilai perlulah difikirkan bersama-sama, tetapi biarlah di dalam konteks di mana peranan guru sekarang sebagai penilai pencapaian akademik pelajar tidak dikorbankan.

Soalan terpenting yang perlu diberi perhatian ialah pengelasan nilai-nilai murni KBSM sebagai komponen ciri-ciri afektif. Adakah tujuh belas (17) nilai-nilai murni tersebut mengikut definisi, sebenarnya ‘nilai’ atau sebahagiannya ‘sikap’? Messick (1979) dalam membuat pengelasan mengenai jenis-jenis pengukuran ‘bukan kognitif’ telah mengasingkan ciri-ciri afek (affects), sikap dan nilai dengan mendefinisikan afek sebagai perasaan positif dan negatif yang spesifik terhadap sesuatu keadaan, sifat atau individu. Contohnya seperti perasaan suka, terperanjat, takut, marah dan bimbang. Mengenai sikap pula mengikut Messick (1979, p. 285),

Attitudes also involve positive versus negative feelings about some social objects or class of objects but combined with a cognitive component of positive versus negative evaluations. Unlike feelings, attitudes are thus always directed favorably or unfavorably, toward some social objects. In addition, an attitude is considered to entail an enduring predisposition to behave in a consistent way toward the object and hence embodies pro versus con action tendencies.

Mengikut Rokeach (1973, p.5) pula,

A value is an enduring belief that a specific mode of conduct or end-state existence is personally or socially preferable to an opposite or converse mode of conduct or end-state of existence.

Mengikut beliau terdapat perbezaan antara dua jenis nilai, nilai instrumental dan nilai tamatan (terminal values),

When we say that a person has a value, we may have in mind either his beliefs concerning desirable modes of conduct or desirable end-states of existence. We will refer to these two kinds of values as instrumental and terminal values. (Rokeach, 1973, p. 7)

Jadi, nilai instrumental didefinisikan sebagai keyakinan (beliefs) mengenai apakah bentuk perlakuan (mode of conducts) yang diingini atau tidak diingini. Ianya terbahagi pula kepada dua bentuk iaitu ‘nilai moral’ (moral values) dan ‘nilai kecekapan’ (competence values). Jadi, nilai moral di sini hanya memusat kepada bentuk perlakuan dan bukan dalam keadaan akhir (end-state), iaitu kalau berlaku sesuatu salah-laku akan mewujudkan perasaan bersalah antara individu. Sebaliknya nilai kecekapan memusat kepada seseorang individu, dan tidak berhubung dengan soal kemoralan. Sebarang pelanggaran hanya melibatkan individu berkenaan, dengan perasaan malu atau rasa kekurangan, berbanding dengan rasa bersalah kerana salah-laku. Berlaku jujur dan bertanggungjawab membawa seseorang kepada merasai melakukan sesuatu yang bermoral. Sebaliknya berlaku logik, bijak dan imaginatif membawa seseorang kepada merasai yang dia melakukan dengan cekap. Nilai tamatan pula, juga bersifat berpusatkan sendiri atau masyarakat. Contohnya ketenangan fikiran adalah nilai kepada seorang individu tetapi keamanan dunia dan rasa persaudaraan adalah nilai antara individu atau masyarakat.

Sikap berbeza daripada nilai kerana sikap merujuk kepada satu organisasi beberapa keyakinan (beliefs) mengenai sesuatu situasi atau objek. Sebaliknya nilai merujuk kepada satu keyakinan yang sangat spesifik. Contohnya skala Likert mengandungi sampel item-item yang mewakili keyakinan, yang semuanya bersabit dengan satu objek atau situasi. Apabila dirumuskan ia akan mengarah kepada satu indeks tentang sikap seseorang itu, samada positif atau sebaliknya terhadap sesuatu objek atau situasi. Nilai juga biasanya merupakan penentu kepada sikap dan tingkahlaku (Rokeach, 1973).

Berbalik kepada nilai-nilai murni dalam KBSM, samada dilihat sebagai sikap atau nilai bergantunglah kepada perincian ke atas setiap ciri nilai-nilai murni tersebut serta pecahannya. Contohnya nilai murni yang pertama iaitu ‘Baik Hati’. Ianya boleh dikelaskan sebagai sikap. Tetapi kalau ditinjau pecahannya iaitu seperti, belas kasihan, bertimbang rasa, murah hati, saling faham memahami dan sedia memaafkan, kita mungkin boleh mengkelaskan pecahan tersebut sebagai nilai, dengan mengambil kira budaya masyarakat atau lain-lain faktor. Rokeach (1973), menggunakan ciri ‘sedia memaafkan’ sebagai salah satu nilai instrumental dalam skalanya.

Cara biasa mengukur ciri-ciri sikap dan nilai ialah dengan menggunakan skala pemeringkatan (rating scale) samada dengan menggunakan skala Likert, Thurstone atau lain-lain. Satu model pembinaannya telah ditunjukkan oleh Abu Bakar (1987) dalam mengukur sikap pelajar terhadap kehidupan cara bertani bagi pelajar-pelajar tingkatan enam dengan menggunakan skala Likert. Walaupun item-itemnya tidak berkait dengan nilai-nilai murni di atas, tetapi proses pembinaannya boleh dicontoh dalam membina skala yang serupa untuk mengukur nilai-nilai murni tertentu. Beberapa langkah yang Abu Bakar sarankan ialah:

1. Prosedur memilih ‘objek psikologi’ yang bersesuaian. ‘Objek psikologi’ di sini bermaksud sasaran ke arah mana nilai atau sikap akan ditujukan. Umpamanya ‘kehidupan bertani’ sebagai contoh ‘objek psikologi’.
2. Pembentukan hipotesis mengenai hasil kajian yang diharapkan akan tercapai.
3. Pembentukan objektif afektif yang dihubungkan dengan Taksonomi domain afektif.
4. Penglibatan pakar-pakar untuk memastikan kesahan item-item berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.
5. Melakukan percubaan (tryout) dengan menggunakan berbagai jenis subjek yang berbeza latarbelakang.
6. Penentuan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur.

Selain daripada skala pemeringkatan, kaedah pemerhatian juga boleh digunakan. Tetapi kaedah ini mungkin membebankan guru-guru kerana mereka bukan sahaja perlu dilatih untuk membuat pemerhatian tetapi proses pemerhatian itu sendiri mungkin mengambil terlalu banyak masa pengajaran guru. Sebaliknya bagi kaedah yang menggunakan skala pemeringkatan, guru-guru boleh mengendalikannya seperti mengendali ujian biasa bilik darjah tanpa memerlukan kemahiran tertentu. Tetapi, walau apa pun peralatan pengukuran yang bakal digunakan, ianya mestilah boleh percaya dan sah.

Satu lagi contoh alat ukur afektif ialah yang dibina oleh Rokeach (1973). Beliau menyenaraikan lapan belas nilai instrumental dan tamatan setiap satu dan mengarahkan

responden menyusun nilai-nilai tersebut dari satu hingga lapan belas mengikut kepentingan masing-masing. Contoh-contoh nilai instrumental ialah bercita-cita tinggi, berfikiran luas, berkebolehan, rajin, bersih, berwibawa, kesediaan untuk memaafkan, tolong menolong, jujur, imaginatif, bebas, intelektual, logikal, kasih sayang, menurut perintah, bersopan santun, bertanggungjawab dan disiplin diri. Untuk memudahkan responden, tiap-tiap tajuk nilai tersebut beserta definisinya ditulis di atas sekeping pelekat yang boleh dilekatkan mengikut susunan. Ini memudahkan responden kerana mereka tidak perlu menulis. Penentuan kebolehpercayaannya dijalankan melalui kaedah Uji Menguji Semula (Test-Retest) tetapi menentukan kesahan isi (content validity). Ia memerlukan banyak kajian kalau ingin disesuaikan dengan nilai-nilai murni dalam KBSM. Tetapi kelemahannya ialah oleh kerana istilah yang digunakan adalah terlalu abstrak mungkin tidak difahami oleh responden. Oleh itu skala ini sebenarnya tidak mengukur kekuatan dan arah pegangan nilai seseorang (Thomas, 1986).

Dua contoh di atas merupakan sebahagian kecil dari berbagai bentuk dan corak alat ukur ciri-ciri afektif yang ada dan boleh disesuaikan bagi mencapai matlamat Penilaian KBSM. Sudah pastilah tanggungjawab untuk membina dan melaksana terletak kepada agensi pusat khususnya Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan. Buat masa ini tugas Lembaga Peperiksaan hanyalah sebagai 'badan pengujian' seperti yang bertulis dalam kertas kerjanya,

Perlu ditegaskan bahawa Lembaga Peperiksaan, mengikut bidang tugas dan fungsinya, adalah sebuah badan pengujian dan bukannya badan atau agensi penilaian. (Lembaga Peperiksaan, 1989, p. 5)

Dengan wujudnya dimensi baru dalam skop pengujian di bilik darjah ini maka bertambah mencabarlah tugas agensi pusat dalam usaha mencapai hasrat falsafah KBSM.

### **Model Penilaian**

Berikut ialah satu cadangan mengenai bentuk sistem penilaian yang difikirkan sesuai untuk menilai penghayatan ciri-ciri afektif. Cadangan yang paling relevan ialah dalam bentuk sebuah model konseptual sistem penilaian yang dianggap praktikal. Sebelum itu dikemukakan dahulu satu definisi penilaian oleh Stufflebeam (1975, p. 53) yang berbunyi,

Generally, evaluation means the provision of information through formal means, such as criteria, measurement, and statistics to provide rational bases for making judgments which are inherent in decision situations.

Definisi di atas penting dari segi ianya membawa arah ke mana cadangan ini akan dihalakan. Ia berorientasikan proses membuat keputusan, di mana penilaian dalam menjalankan tugasnya akan memberi beberapa alternatif kepada pembuat keputusan, dan pembuat keputusan pula akan memilih alternatif yang terbaik. Mengikut Stufflebeam tugas penilaian ialah untuk memberi makna atau nilai kepada setiap alternatif, supaya pembuat keputusan dapat memilih keputusan yang terbaik. Proses pemberian makna ini kalau di dalam Ilmu Ekonomi atau Pentadbiran Perniagaan menggunakan kaedah seperti analisa 'Cost-Benefit' atau 'Operation Research', tetapi di dalam penilaian pendidikan ialah seperti kaedah eksperimen atau disebut juga peringkat memungut data. Perlu dibezakan antara istilah 'penilaian' dan 'rekabentuk penilaian' atau pungutan data. Mengikut Airasan (1974) penilaian wujud hanya apabila data dibandingkan dengan satu standard dan setelah pertimbangan dibuat tentang nilainya. Apabila kita beracak tentang merekabentuk penilaian, penekanan perlulah hanya kepada proses pemberian data yang dapat menolong membuat keputusan tanpa mengambil kira standard yang akan digunakan bagi mencapai sesuatu keputusan.

Bagi model penilaian kita ini, objektif umumnya ialah untuk menilai penghayatan ciri-ciri afektif yang telah diterap melalui berbagai matapelajaran di sekolah-sekolah KBSM. Jadi, tugas penilai ialah untuk mengemukakan satu prosedur penilaian yang dianggap terbaik melalui pertimbangan pembuat keputusan. Dalam menjalankan tugas ini mengikut definisi, penilai perlu memberi makna atau nilai kepada alternatif melalui pungutan data pengukuran atau statistik, hasil daripada rekabentuk penilaian yang dijalankan. Mengikut definisi yang sama, kriteria juga boleh digunakan dalam mengemukakan alternatif tersebut. Jadi, dalam konteks pembentukan sebuah model penilaian ciri-ciri afektif penilaian KBSM ini, kriteria-kriteria dan bukannya pengukuran atau statistik, akan digunakan di dalam menentukan alternatif prosedur penilaian yang terbaik. Ada berbagai kriteria atau faktor yang perlu diberi pertimbangan di dalam memilih alternatif terbaik, iaitu terdiri dari dua kumpulan faktor, faktor pentadbiran dan faktor konseptual. Faktor pentadbiran terdiri daripada: beban tugas guru di bilik darjah, kemahiran membina alat ukur afektif, kecekapan pentadbiran alat ukur, dan format alat ukur. Dari segi konseptual pula ialah: pendekatan penilaian seperti yang dibincang di awal kertas ini iaitu samada berasaskan individu atau program dan samada sebagai ‘means to ends’ atau ‘ends in themselves’, kebolehpercayaan dan kesahan alat ukur, kesan ancaman (threats) semasa merekabentuk penilaian, kebolehan menginterpretasi keputusan ujian dan rekabentuk penilaian.

Berdasarkan perbincangan mengenai faktor atau kriteria pembentukan sistem penilaian di awal kertas ini, dan juga melalui pemerhatian dan pengalaman kita di sekolah, bolehlah disimpulkan bahawa model penilaian ciri-ciri afektif KBSM yang praktikal perlulah mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Penilaian adalah berbentuk penilaian program atau amalan kumpulan bukan penilaian berbentuk individu.
2. Menggunakan pendekatan ‘means to ends’ bukannya ‘ends in themselves’.
3. Tidak mengorbankan banyak masa guru dan tidak membebangkan guru.
4. Pentadbiran alat ukur di kalangan pelajar, atau pelaksanaan rekabentuk penilaian perlulah cekap.
5. Wujud proses menginterpretasi hasil kajian untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Sebelum alat ukur dibina, perlulah ditentukan dahulu objektif program yang ingin dinilai. Sebagai contoh, objektifnya ialah, ‘menentukan keberkesanan penerapan nilai-nilai murni di kalangan para pelajar KBSM’. Berikutnya, objektif ini perlu dioperasionalisasikan supaya boleh diperhati dan diukur, seterusnya pembolehubah-pembolehubah bergantung dikenalpasti. Peringkat berikutnya ialah pungutan data, di mana memerlukan alat ukur dibina dan rekabentuk penilaian dijalankan. Alat ukur ini biasanya menggunakan skala berangka dan terdiri dari berbagai bentuk. Pembinaannya perlulah memenuhi objektif program. Mengikut Tuckman (1975), biasanya manusia lebih cenderung dan lebih peka bagi melahirkan apa yang mereka rasa dari apa yang mereka tahu. Mereka akan lebih bergerakbalas atau kurang bergerakbalas terhadap alat ukur afektif berbanding dengan alat ukur kognitif. Mengenai penentuan alat ukur yang baik, piawai yang digunakan ialah nilai indeks kesahan dan kebolehpercayaan yang berpatutan, serta juga faktor kebolehgunaan seperti yang disebut oleh Gronlund (1981, p. 65).

Mengenai rekabentuk penilaian pula, ianya juga perlu menepati objektif program. Contohnya, bagi objektif program ini, soalan yang perlu dijawab ialah, adakah program berkesan? Untuk mengukur keberkesanan memerlukan pembuktian wujudnya hubungan sebab-akibat antara peningkatan penghayatan nilai-nilai murni dengan proses penerapannya. Ini boleh dilakukan melalui kaedah eksperimen atau kaedah siri masa di mana satu siri pengukuran dibuat sebelum dan selepas rawatan diberikan. Kalau diteliti dalam konteks pelaksanaan KBSM, pembuktian ini tidak mungkin dapat dilakukan kerana tidak ada kumpulan kawalan untuk diujikajikan, disebabkan semua sekolah adalah terlibat dengan pelaksanaan KBSM, dan juga data siri masa telah tidak dipungut sebelum KBSM dilaksanakan. Oleh itu kaedah yang paling hampir ialah dengan membandingkan pengukuran oleh kumpulan KBSM dengan kumpulan ‘senior’ terdekatnya. Implikasinya, penilaian perlu dijalankan sebelum KBSM melibatkan semua peringkat murid. Akhir sekali ialah mengenai istilah yang diberikan kepada model penilaian ini. Ianya boleh dinamakan sebagai penilaian sumatif, kerana soalan yang dijawab ialah mengenai keberkesanan sebuah program (Airasan, 1974). Dari satu aspek lagi, kalau dianggap pembuat keputusan tidak akan mengubah bentuk pelaksanaan programnya walau apa pun maklumat yang akan diperolehi hasil dari penilaian ini, proses penilaian ini juga boleh dinamakan sebagai penilaian sumatif mengikut definisi (Stake, 1975).

### **Pembentukan Alat Ukur**

Dalam model di atas, contoh objektif penilaian yang diberi ialah untuk menilai keberkesanan penerapan nilai-nilai murni. Sebenarnya ini ialah satu contoh sahaja. Model penilaian ini boleh juga digunakan bagi menilai misalnya perkembangan penghayatan nilai-nilai murni pelajar dalam sistem KBSM, dengan diubahsuai rekabentuk penilaian tersebut, dan mungkin ia berbentuk formatif. Tetapi walau apa pun rekabentuk penilaian yang diaplikasi, alat ukur perlu dibina bagi dipadankan dengan rekabentuk penilaian berkenaan. Dua contoh alat ukur telah pun dibincangkan di awal kertas ini.

Proses pembentukan alat ukur memerlukan satu model atau teori yang boleh dijadikan asas. Teori yang berkaitan ialah teori perkembangan moral, kerana nilai murni yang kita bincangkan ini ialah sebenarnya nilai moral mengikut definisi Rokeach (1973). Kita tidak membincangkan nilai kecekapan (mengikut istilah Rokeach), nilai estetika atau nilai ekonomi. Dalam hubungan ini, Thomas (1986) telah mengemukakan satu model bersepada perkembangan moral dengan mencantumkan beberapa teori berkenaan dan berlandaskan andaian falsafah realisme yang mengatakan, terdapat ‘dunia sebenar’ yang terdiri dari objek, manusia dan peristiwa di luar individu. Segala fakta, konsep, dan proses yang manusia ada di dalam fikirannya adalah merupakan contoh anggaran mengenai bagaimanakah bentuk dunia luar tersebut. Dari masa ke semasa mengikut model ini, individu menjadi bertambah realistik, iaitu fikiran seseorang akan menelah dengan bertambah tepat tentang keadaan sebenar dunia luar. Kita boleh mengharapkan seorang yang lebih matang akan kurang dikejutkan dengan peristiwa moral yang diperhatikan, dan berupaya menelah keputusan konflik-konflik moral tersebut dengan tepat. Tingkah laku moral individu sangat dipengaruhi oleh anggaran mereka mengenai keadaan yang sebenarnya. Jadi, untuk menentukan tahap perkembangan moral seseorang, adalah penting untuk menentukan konfigurasi peta kognitif individu tersebut, yakni ianya terdiri dari tiga komponen mengikut model ini; pertama kandungan ingatan dari aspek moral, yang terdiri dari fakta-fakta, konsep-konsep, hubungan-hubungan penyebab, proses mental, afek dan nilai; kedua, komponen pengaruh-pengaruh asas terhadap proses mental dan kandungannya iaitu tahap kematangan kognitif dan tahap kesedaran individu; dan ketiga, sistem deria seseorang individu.

Berbalik kepada model penilaian kita, untuk menyediakan alat ukur yang berpadanan dengan objektif program dan rekabentuk penilaian, penilai boleh menentukan samada untuk menilai fakta moral, konsep moral, hubungan penyebab yang berhubung dengan moral dan lain-lain ciri moral, serta boleh mengguna samada kaedah temuduga atau lisan untuk mendapat gerakbalas. Contoh alat ukur bentuk temuduga yang terkenal ialah ‘Kohlberg Moral Dilemmas’ yang mana penilai menceritakan satu cerita ringkas atau satu kejadian kepada subjek, dan berhenti di bahagian di mana watak-watak di dalam cerita itu terpaksa membuat keputusan moral, dan menyoal subjek bagaimana dilema moral itu boleh diselesaikan. Untuk model penilaian kita, kaedah tulisan adalah lebih realistik. Di bawah kaedah ini terdapat beberapa bentuk seperti: ujian mengenalpasti, ujian penghasilan, skala pemeringkatan menggunakan skala Likert, Thurstone dan lain-lain, dan ujian pencapaian akademik iaitu berbentuk bekalan seperti esei, jawapan pendek, dan melengkapkan atau berbentuk pilihan seperti pelbagai pilihan, benar-palsu atau memadankan. Dari semua alat ukur ini ada dua yang memerlukan penerangan lanjut, iaitu ujian mengenalpasti dan ujian penghasilan. Ujian mengenalpasti ialah ujian yang menilai kebolehan dengan cara mengenalpasti kenyataan-kenyataan yang tertumpu kepada suatu pandangan tentang isu-isu moral. Contoh ujian yang terkenal ialah ‘Defining Issues Test’ oleh Rest (1979). Ujian ini mengemukakan insiden-insiden dilema moral dan peringkat perkembangan moral oleh Kohlberg, tetapi tidak menggunakan cara temuduga. Ianya dalam bentuk tulisan di mana subjek dikehendaki membuat pertimbangan mengenai penaakulan moral orang lain. Ujian penghasilan pula, juga menggunakan delima moral Kohlberg, tetapi diwujudkan juga soalan terbuka di samping soalan objektif, berbanding dengan jenis sebelumnya hanya menggunakan soalan objektif semata-mata.

Alat ukur manakah yang paling relevan bagi penilaian penghayatan nilai-nilai murni untuk KBSM? Untuk menjawab soalan ini kita perlu berbalik kepada objektif penilaian. Misalnya untuk menilai keberkesanannya atau perkembangannya? Adakah kriteria tertentu akan digunakan sebagai standard apabila penilaian dijalankan? Apakah konsep yang mendasari penilaian ini, pendidikan moral atau perkembangan moral? Untuk apa maklumat yang diperolehi akan digunakan? Jadi, tidak ada satu alat ukur khusus yang boleh digunakan bagi menilai penghayatan nilai-nilai murni secara spesifik, sebab ianya bergantung kepada berbagai faktor konseptual. Umpamanya kalau seorang guru matapelajaran ingin menguji nilai-nilai yang telah diajarnya, beliau boleh menggunakan bentuk ujian pencapaian akademik biasa untuk menguji kesedaran muridnya tentang nilai-nilai moral. Bagi objektif yang lebih serius seperti menilai keberkesanannya atau perkembangannya, ia memerlukan rekabentuk penilaian dan pembentukan alat ukur yang lebih kompleks.

Sebagai rumusan, saya ingin mencadangkan alat ukur berbentuk skala pemeringkatan, contohnya seperti skala Likert digunakan bagi menilai penghayatan nilai-nilai murni di dalam KBSM dengan alasan-alasan seperti berikut:

1. Konsep yang mendasari proses penilaian ini lebih condong kepada konsep pendidikan moral. Penghayatan yang akan dilihat adalah terhasil daripada hal-hal yang diterap oleh guru dan suasana di sekolah. Tujuan kita bukan untuk melihat perkembangan moral pelajar secara keseluruhan yang memerlukan ujian berbentuk pertimbangan moral seperti ujian dilema moral oleh Kohlberg.
2. Skala ini mempunyai elemen intensiti, arah dan sasaran yang boleh diolah untuk menguji sebahagian besar dari nilai-nilai murni di dalam KBSM.
3. Memandangkan bilangan pelajar yang akan terlibat adalah ramai dan masa yang terhad diperuntukkan bagi menjawab ujian ini, skala pemeringkatan adalah lebih praktikal

dari segi cukupan bidang ujian yang lebih luas berbanding dengan kaedah pertimbangan moral seperti kaedah oleh Kohlberg.

## Penutup

Perubahan terpenting yang perlu difikirkan dalam sistem Penilaian KBSM ialah, perlukah penghayatan nilai-nilai murni itu dinilai? Jawabnya sudah pasti perlu, guna untuk melihat kesan dari daya usaha guru menerapkan nilai-nilai murni tersebut melalui pengajaran mereka. Mengenai setakat mana penghayatannya boleh diukur, ini memerlukan kajian berterusan. Kertas ini telah cuba menerokai dari segi konsep penilaian secara keseluruhan dengan menyentuh tentang pembinaan alat ukur secara tidak terperinci. Adalah dirasakan alat ukur yang sesuai boleh dibina untuk mengukur mungkin sebahagian daripada penghayatan nilai-nilai murni tersebut kalau semua pihak yang terlibat memberi tumpuan yang amat serius dalam merealisasikan hasrat falsafah pendidikan negara kita. Ini bukan bermakna perubahan dari segi organisasi tidak penting, malah ianya sama penting dan perlu diberi perhatian.

## Rujukan

- Abu Bakar Nordin. *Developing a Scale in Affective Domain*. Occasional Papers No. 5, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.
- Airasan, P. W. Designing Summative Evaluation Studies at the Local Level. In Popham, W. J. (Ed), *Evaluation in Education, Current Application*. California, MrCutran Publishing Corporation, 1974.
- Anderson, L. W. *Assessing Affective Characteristics in the Schools*. Boston, Allyn and Bacon, Inc., 1981.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan. *Sistem Penilaian KBSM - Satu Perspektif*. Laporan Seminar Sistem Penilaian KBSM - Kementerian Pendidikan, 1989.
- Gronlund, N. E. *Measurement and Evaluation in Teaching*. New York, Macmillan Publishing Co., Inc., 1981.
- Krathwohl, D. R., Bloom, B. S., Masia, B. B. *Taxonomy Of Educational Objectives, Handbook II: Affective Domain*. New York, David McKay Company, Inc., 1965.
- Lembaga Peperiksaan. *Amalan Semasa Dalam Sistem Penilaian Di Malaysia - Penilaian Pusat dan Sekolah*. Laporan Seminar Sistem Penilaian KBSM, Kementerian Pendidikan, 1989.
- Messick, S. Potential Uses Of Noncognitive Measurement in Education. *Journal Of Educational Psychology*, 1979, 71 281-292.
- Popham, W. J. *Modern Educational Measurement*. New Jersey, Prentice-Hall, Inc., 1981.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. *Falsafah Pendidikan Negara dan Hasrat KBSM*. Laporan Seminar Sistem Penilaian KBSM, Kementerian Pendidikan, 1989.
- Rest, J. R. *Development in Judging Moral Issues*. Minnesota, University of Minnesota Press, 1979.

Rokeach, M. *The Nature of Human Values*. New York, Free Press, 1973.

Stake, R. E. Language Rationality and Assessment. In Beatty, W. H. (Ed), *Improving Educational Assessment & An Inventory of Measures of Affective Behavior*. Washington D. C., ASCD, 1975.

Stufflebeam, D. L. Evaluation as Enlightenment for Decision Making. In Beatty, W. H. (Ed), *Improving Educational Assessment & An Inventory of Measures of Affective Behavior*. Washington D. C., ASCD, 1975.

Thomas, R. M. Assessing Moral Development. *Journal of Educational Research*, 1986, 10, 347-476.

Tuckman, B. W. *Measuring Educational Outcomes, Fundamental of Testing*. New York, HBJ, Inc., 1975.